



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


25 JULAI 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **818 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **79,470 kes**. Dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Tawau dan Papar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 537 menjadikan jumlah kumulatif 73,597 orang. Seramai 3,486 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 651 orang di hospital, 2,414 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 421 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 71 orang dan 19 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Telupid berubah dari zon kuning ke zon jingga manakala Tongod dan Kunak berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 21 daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning dua (2) daerah

Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (818) kes iaitu peningkatan sebanyak (106) kes berbanding (712) kes yang dicatatkan semalam (24 Julai 2021). Sembilan (9) daerah mencatat kes baharu melebihi (35) kes, iaitu Papar (37) kes, Tuaran (44) kes, Beluran (44) kes, Tawau (55) kes, Sipitang (57) kes, Beaufort (66) kes, Keningau (69) kes, Penampang (77) kes dan Kota Kinabalu (167) kes.
- b. Penyumbang utama kes pada hari ini adalah daripada Saringan Kontak Rapat iaitu (364) kes atau 44.50% daripada kumulatif kes harian Negeri Sabah, diikuti Saringan Kluster Sedia Ada dengan (148) kes atau 18% dan Saringan Bersasar sebanyak (104) kes atau 12.71% dimana (23) kes dari jumlah itu direkod sebagai yang tertinggi di daerah Kunak. Manakala Saringan Bergejala menyumbang kepada (103) kes atau 12.59%.
- c. Enam (6) kluster baharu dilaporkan hari ini dan merekodkan sejumlah (61) kes atau 7.5 % iaitu:
 - Kluster Gipan, Kolombong Kota Kinabalu (Tempat Kerja)
 - Kluster Tinabau, Kinabatangan (Tempat Kerja)
 - Kluster Sogo-Sogo, Tongod (Komuniti)
 - Kluster Jalan Tungku, Lahad Datu (Komuniti)
 - Kluster Simpang 3 Ranau, (Tempat Kerja)
 - Kluster Gerbang Kauran, Keningau (Komuniti/Aktiviti Keagamaan)
- d. Sekali lagi ditekankan bahawa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan tahap pematuhan SOP yang tinggi perlu patuhi oleh rakyat Sabah untuk membendung penularan kes Sabah yang semakin meningkat.

- e. Sejumlah 80.2% daripada kes-kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Kategori 1, iaitu (344) kes adalah mereka yang tidak mengalami sebarang simptom dan Kategori 2 iaitu sebanyak (312) kes sekadar mengalami simptom ringan (mild). Kedua kategori pesakit ini tidak perlu dimasukkan di hospital untuk rawatan, sekadar ditempatkan di PKRC.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (364) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 HARIINI

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	209	25.55%
2	Bergejala	103	12.59%
3	Kontak Rapat	364	44.50%
4	Bersasar	104	12.71%
5	Lain-lain	38	4.65%
JUMLAH		818	100%

b. Daerah yang mencatatkan peningkatan kes positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (24 Julai 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 24/07/2021	Catatan Kes 25/07/2021	Bilangan Peningkatan Kes
1	Beluran	4	44	+40
2	Keningau	32	69	+37
3	Sipitang	26	57	+31
4	Telupid	1	24	+23
5	Tawau	33	55	+22
6	Papar	15	37	+22
7	Tuaran	28	44	+16
8	Kinabatangan	5	20	+15
9	Kunak	11	26	+15
10	Penampang	65	77	+12
11	Kota Kinabalu	161	167	+6
12	Kota Marudu	2	7	+5
13	Tongod	7	9	+2
14	Lahad Datu	15	16	+1
15	Semporna	4	5	+1
JUMLAH		409	657	248

c. Daerah yang kekal catatan kes baharu sebagaimana semalam adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 24/7/2021	Catatan Kes 25/7/2021	Bilangan Kes
1	Kudat	22	22	22
2	Tambunan	1	1	1
JUMLAH		23	23	23

d. Daerah yang mencatatkan penurunan kes positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (24 Julai 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 24/07/2021	Catatan Kes 25/07/2021	Bilangan Penurunan Kes
1	Sandakan	98	16	-82
2	Kalabakan	29	8	-21
3	Kuala Penyu	17	5	-12
4	Kota Belud	14	2	-12
5	Beaufort	72	66	-6
6	Pitas	4	1	-3
7	Tenom	8	5	-3
8	Ranau	16	15	-1
9	Putatan	21	20	-1
10	Nabawan	1	0	-1
JUMLAH		280	138	-142

e. Daerah yang mencatatkan Sifar (0) kes

Satu (1) daerah yang mencatatkan sifar (0) kes pada hari ini iaitu:

- Nabawan

f. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu
	Saringan Kluster	Saringan Kontak Rapat	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan	
Kota Kinabalu	40	88	16	17	6	167
Penampang	5	51	19	0	2	77
Keningau	62	5	0	0	2	69
Beaufort	0	52	6	8	0	66
Sipitang	14	13	13	16	1	57
Tawau	1	25	9	15	5	55
Beluran	41	3	0	0	0	44
Tuaran	0	25	12	4	3	44
Papar	1	27	7	0	2	37
Kunak	0	2	0	23	1	26
Telupid	0	22	1	0	1	24
Kudat	0	4	2	16	0	22
Kinabatangan	20	0	0	0	0	20
Putatan	1	16	2	0	1	20
Sandakan	3	5	3	5	0	16
Lahad Datu	4	5	3	0	4	16
Ranau	3	4	2	0	6	15
Tongod	9	0	0	0	0	9
Kalabakan	5	0	3	0	0	8
Kota Marudu	0	1	4	0	2	7
Semporna	0	4	1	0	0	5
Tenom	0	5	0	0	0	5
Kuala Penyu	0	4	0	0	1	5
Kota Belud	0	1	0	0	1	2
Tambunan	0	1	0	0	0	1
Pitas	0	1	0	0	0	1
Nabawan	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	209	364	103	104	38	818

g. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah :

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Gipan Kolombong	27
	Kluster Tembok Kota Kinabalu	1
	Kluster Jalan Mat Salleh	12
Sandakan	Kluster Jalan Utara 2	3
Kalabakan	Kluster Agathis	5
Tongod	Kluster Kampung Mananam	1
	Kluster Sogo-Sogo	8
Ranau	Kluster Simpang Tiga Ranau	3
Penampang	Kluster Nosoob Baru	2
	Kluster Jalan Mat Salleh	3
Sipitang	Kluster Kampung Melamam	14
Keningau	Kluster Jambatan Liawan	4
	Kluster Gerbang Kauran	2
	Kluster Kayu Patikang	56
Papar	Kluster Jalan Mat Salleh	1
Putatan	Kluster Jalan Mat Salleh	1
Kinabatangan	Kluster Tinabau	17
	Kluster Bukit Mas	3
Tawau	Kluster Jalan Membalua	1
Lahad Datu	Kluster Jalan Tungku	4
Beluran	Kluster Sawit Lung	41
JUMLAH		209

Terdapat **enam (6) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Jalan Tungku - Lahad Datu** adalah kluster komuniti. Kes indeks merupakan wanita, 30, yang disahkan positif COVID-19 ketika menjalani saringan bergejala di Klinik Kesihatan Tungku pada 28 Jun 2021. Pengesahan secara aktif dan saringan terhadap kontak rapat mendapati 12 lagi kes positif. Daripada 233 sampel yang disaring, 35 sampel disahkan positif , 196 sampel didapati negatif saringan pertama manakala dua (2) sampel masih menunggu keputusan. Setakat hari ini, empat (4) kes baharu dikesan menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 35 kes positif COVID-19.
- ii **Kluster Gerbang Kauran - Keningau** berlaku di Mukim Lingkudau dalam Daerah Keningau. Penularan COVID-19 disyaki berpunca daripada pergaulan dalam kalangan ahli jawatankuasa masjid serta ahli keluarga. Kes indeks adalah wanita, 47, disahkan positif RTK-Ag melalui saringan bergejala di HospitalKeningau pada 21 Julai 2021. Setakat hari ini, kluster ini merekodkan sembilan (9) kes termasuk dua (2) kes baharu.
- iii **Kluster Tinabau - Kinabatangan** merebak di tempat kerja iaitu di sebuah ladang kelapa sawit. Kes indeks merupakan penyelia pekerja ladang, lelaki, 49, dan telah dirujuk ke Hospital Kinabatangan, selepas disahkan positif (RTK-Ag grading 60%) melalui saringan tempat kerja di Klinik Swasta Permai, Kinabatangan pada 19 Julai 2021.Aktiviti saringan kontak seterusnya mendapati, 25 lagi positif COVID-19 dalam kalangan keluarga, pekerja dan tanggungan. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes positif setakat hari ini sebanyak 26 kes, termasuk 17 kes baharu. Aktiviti siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebarang jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang berdekatan yang lain.

- iv **Kluster Kg Sogo-Sogo - Tongod** merupakan penularan COVID-19 dalam kalangan komuniti. Kluster ini mula dikesan apabila kes indeks, lelaki, 32, disahkan positif (RTK-Ag grading 100%) di Klinik Kesihatan Tongod pada 23 Julai 2021, selepas bergejala sejak 18 Julai 2021. Kes indeks telah dimasukkan ke PKRC Sandakan untuk rawatan lanjut. Daripada 46 sampel yang diambil daripada kontak rapat, lapan (8) kes baharu dilaporkan pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak sembilan (9) kes. Aktiviti siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan oleh pasukan siasatan untuk menilai sebarang jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada penduduk kampung yang berdekatan.
- v **Kluster Gipan Kolombong - Kota Kinabalu, Tuaran** melibatkan penularan jangkitan tempat kerja iaitu di sebuah premis membancuh simen dalam Daerah Kota Kinabalu. Kes indeks merupakan pengawal keselamatan, lelaki, 28, dari Kg Cenderakasih Inanam Metrotown dan mula bergejala sejak 19 Julai 2021. Kes indeks disahkan positif (RTK-Ag grading 100%) di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu pada 21 Julai 2021 dan telah dimasukkan ke PKRC untuk rawatan lanjut. Daripada 67 sampel yang diambil di Kota Kinabalu, 37 sampel dikesan positif termasuk 27 kes baharu pada hari ini. Sementara itu, 28 sampel didapati negatif dan dua (2) masih menunggu keputusan ujian saringan. Kluster ini turut merekodkan tiga (3) lagi kes dengan kaitan epidemiologi dan didaftarkan di Daerah Tuaran. Setakat hari ini, 27 kes baharu dikesan menjadikan jumlah kumulatif kes positif sebanyak 40 kes.
- vi **Kluster Simpang Tiga - Ranau** dikategorikan sebagai kluster golongan berisiko tinggi dan merebak di sebuah pusat perubatan di daerah Ranau. Kes indeks merupakan staf kesihatan di jabatan kecemasan pusat terbabit, lelaki, 29, yang disahkan positif COVID-19 hasil saringan bergejala pada 18 Julai 2021. Daripada 417 kontak rapat yang disaring, 14 kes positif COVID-19 dikesan termasuk tiga (3) kes baharu hari ini. Jumlah itu merangkumi lapan (8) kes di tempat kerja iaitu petugas kesihatan, sementara enam (6) kes lagi merupakan kontak serumah masing-masing tiga kes di Kg. Lembah Permai dan Kg. Sokid Bundu Tuhan. Punca jangkitan dan penularan wabak masih dalam siasatan.

7

Jumlah kapasiti katil 6,128 unit

- Hospital 778 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,512 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 1,838 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 56.89%.

**B BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH
(KEMASKINI 25 JULAI 2021)**

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 25 Julai 2021)
1	Kota Kinabalu	28
2	Sipitang	12
3	Beaufort	8
5	Sandakan	7
6	Keningau	7
4	Tawau	6
7	Penampang	6
8	Kudat	6
9	Kota Belud	3
10	Papar	3
11	Pitas	2
12	Putatan	2
13	Tuaran	2
14	Lahad Datu	1
15	Kota Marudu	1
16	Tongod	1
JUMLAH		95

C PELAKSANAAN PKPD BARU

Sidang Khas MKN telah meneliti pembentangan oleh KKM dan setelah mengambil kira penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Kerajaan bersetuju untuk mengenakan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Mananam, Tongod, Sabah	27 Julai 2021	9 Ogos 2021
2.	Taman Semarak Megah, Tawau	27 Julai 2021	9 Ogos 2021
3.	Kampung Sangkabok, Menumbok, Sabah	27 Julai 2021	9 Ogos 2021
4.	Ladang Belian, Kalabakan, Sabah	27 Julai 2021	9 Ogos 2021
5.	Dua (2) lokaliti di Beaufort, Sabah <ul style="list-style-type: none">• Kampung Batandok• Kampung Menanjung	27 Julai 2021	9 Ogos 2021
6.	Kampung Pelakat dan Kampung Pelakat Paya, Sipitang, Sabah	27 Julai 2021	9 Ogos 2021
7.	Kampung Sumaang, Ranau, Sabah	27 Julai 2021	9 Ogos 2021

D PENAMATAN PKPD

Sidang Khas MKN setelah meneliti pembentangan KKM mengenai situasi semasa, Kerajaan bersetuju untuk menamatkan PKPD di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Nahaba, Tegudon,Kota Belud, Sabah	29 Julai 2021	Ditamatkan pada 26 Julai 2021 seperti yang dijadualkan

2.	Tiga (3) lokaliti di Kota Kinabalu, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Jalan Pasir Likas • Taman Kuala Menggatal • Kuarters Tangki AirBiru, Telipok 	13 Julai 2021	Ditamatkan pada 26 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Borneo Timber, Tongod, Sabah	13 Julai 2021	Ditamatkan pada 26 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
4.	Kampung Tebongan, Putatan, Sabah	13 Julai 2021	Ditamatkan pada 26 Julai 2021 seperti yang dijadualkan
5.	Dua (2) lokaliti di Beaufort, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Jempangah • Kampung Rancangan Klias 	13 Julai 2021	Ditamatkan pada 26 Julai 2021 seperti yang dijadualkan

E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 66,250 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,574 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **30,759** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 570,833 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **1,745** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 320,882 orang.

5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 18,948 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,059,803 (Mysejahtera 975,671: Laman Web 83,861: Talian Vaksinasi 271) bersamaan 38.4.%

F BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **355,826** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

1 Sejumlah 136 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 31,400 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 121 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 43 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- 12 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
- Tujuh (7) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- Tiga (3) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- 11 Orang : Aktiviti Terlarang/Keluar Masuk Kawasan PKPD
- Tujuh (7) Orang : Keluar Masuk Tanpa Alasan Munasabah
- Tiga (3) Orang : Rentas Daerah/Negeri Tanpa Kebenaran

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 83 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 25 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4

Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,080 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii Tiga (3) kompaun dikeluarkan oleh PBT pada hari ini. Kesemua kompaun dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Tawau atas kesalahan-kesalahan lain yang diperuntukkan dalam SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- iii Sebanyak sembilan (9) notis peringatan dikeluarkan iaitu satu (1) di daerah Tawau, enam (6) di daerah Keningau dan dua (2) di daerah Kinabatangan.
- iv Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 313 premis perniagaan dan 151 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

5

Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 359 Premis Perniagaan melibatkan 160 anggota APM. Sebanyak 20 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.

6

Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 85 anggota di 99 lokasi.

7

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 19 premis, melibatkan sembilan (9) buah daerah pada hari ini.

8

Sejumlah 115 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.

9

Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 180 hebahan di seluruh Sabah.

H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Ranau	95.5%
2	Sipitang	95.5%
3	Keningau	95.5%
4	Beaufort	95.5%
5	Semporna	95%
6	Tenom	95%
7	Beluran	95%
8	Kunak	95%
9	Kota Marudu	95%
10	Kota Kinabalu	95%
11	Kota Belud	95%
12	Tuaran	95%
13	Kudat	95%
14	Sandakan	95%
15	Kinabatangan	94.5%
16	Penampang	94.5%
17	Papar	94.5%
18	Lahad Datu	94.5%
19	Tawau	94%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**